

# Enam Adun diminta beri kerjasama

BN 27 APR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Enam Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabah yang menyertai Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), diminta memberi kerjasama kepada pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerjasama bekas Adun Parti Bersatu Sabah (PBS) itu penting bagi menjayakan hasrat mereka menyertai BN.

“Mereka berpendapat jika mahu berkhidmat kepada pengundi di kawasan masing-masing adalah lebih baik bersama BN kerana banyak perubahan boleh dibawa oleh parti nasional,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, hari ini.

Abdullah sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Adun Bingkor, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, Johnny Goh (Inanam), Louis Rampas (Kiulu), Karim Adam (Kundasang), Edward Linggu (Tamparuli) dan Atong Mangabis (Matunggung).

Sementara itu, Presiden PBRs, Tan Sri Joseph Kurup, yang turut serta dalam pertemuan itu berkata enam Adun terbabit menyertai BN bukan atas tujuan peribadi tetapi untuk berkhidmat kepada rakyat.

“Keputusan enam bekas Adun PBS itu adalah bagi membantu rakyat di kawasan mereka menikmati pembangunan dan kemudahan yang disediakan kerajaan BN.

“Kami yakin dengan keikhlasan mereka menyertai BN bukan atas dorongan kehendak peribadi tetapi mengambil kira pandangan daripada penyokong masing-masing,” katanya.

Katanya, dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dan Abdullah hari ini, Adun terbabit berikrar taat setia terhadap pucuk pimpinan BN.

Beliau berkata, penyertaan enam Adun itu juga tidak mempunyai kaitan dengan penggiliran jawatan Ketua Menteri.